Publication: Berita Harian, p 20

Date: 10 August 2017

Headline: Start searching for job 6 months before getting a degree

Mula cari kerja 6 bulan sebelum dapat ijazah



TIDAK TUNGGU LAMA: Cik Elenna Mohamed Amin tidak menunggu sehingga selepas konvokasyen untuk men pekerjaan. Siswazah SMU ini kirii merupakan penganallisis harga di ExxonMobil meskipun konvokesyen baru be beberapa minggu lepas. — Foto SMU

ENAM bulan sebelum tamat pengajiannya di Universiti Pengu-rusan Singapura (SMU), Cik Elen-na Mohamed Amin telah pun mu-la mencari kerja.

ia mencari kerja. Malah, beliau telah pun meng-hadiri sesi temu duga sekitar se-tahun yang lalu iaitu pada bulan

Jun.

Meskipun baru sahaja dapat
menggenggam ijazah Sarjana Muda berganda Magna Cum Lauda
dalam Pengurusan Pernisaan
dengan pengkhususan dalam pen masaran dan Saira Sosial dengan
pengkhususan dalam psikologi, Jumaat lalu, Cik Elema, 25 tahun,
telah mula bekerja pada Februari
tahun ini.

Magna Cum Laude merupa-

teati mina tekenja pata retutati hun ini.

Magna Cum Laude merupakan kepujan tinggi (high distinction) yang dianugerahkan kepada siswazah yang meraih gred purata mata antara 3.6 dengan 3.79.

Beliau yang namanya diletakan dalam Senarai Okean semasa tahun kedua di SMU kerana keputusan akademik yang baik mula bekerja di sebuah syarikat berbilang negara – ExxonMobil – sebagai seorang penganalisis harga pada Februari tahun ini, empat bulan sebelum majlis konvokesyennya.

Anak bongsu empat beradik itu ditugaskan mengendalikan pasaran syarikat itu di Indonesia.

"Mungkin ada yang gerun mahu bertanyakan soalan terutama apabila rakan sekerja anda merupakan mereka yang berbilang kaum, bangsa dan kerakyatan. Tetapi alhamdulillah latihan yang saya terima di SMU telah mempersiapkan saya dengan kemahiran yang diperlukan bagi alam pekerjaan."

- Cik Elenna Mohamed Amin.

"Saya memang mempunyai ke-inginan bekerja dengan syarikat berbilang bangsa kerana mahu-kan pengalaman bekerja yang ber-sifat global.

"Persekitarannya berbeza dan unik. Saya rasa kesannya lebih mendalam," kongsinya.

mendalam," kongsinya.

Beliau yang juga merupakan antara pemegang biasiswa Lee Kong Chian berkata pengajian di SMU telah membenirya lebih ban-yak peluang bertutur dan mengetengahkan ideanya dengan lebih jelas dan yakin.

"Mungkin ada yang gerun mahu bertanyakan soalan terutama apabila rakan sekerja anda merupakan mereka yang berbi-

lang kaum, bangsa dan kerakyatan.

"Tetapi alhamdulillah, latihan yang saya terima di SMU telah mempersiapkan saya dengan kemahiran yang diperlukan bagi alam pekerjaan," tambahnya.

Cik Elenna menasihatkan mahasiswa yang bakal menamatkan pengajian tahun depan agar bermula awal mencari pekerjaan, sebaik-baiknya enam bulan sebelum majib konvokesyen.

"Selain itu, saya amat syorkan penuntut universiti agar menghadiri acara menjalin rangkalan yang dianjurkan institusi agar dapat mengetahui apakah antara peluang pekerjaan yang sedia ada," katanya lagi.